

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2018/2019

Disember 2018/Januari 2019

HSK501 – Teori Dan Kaedah Penyelidikan Dalam Ilmu Sejarah

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Pilih **SATU (1)** soalan sahaja daripada setiap Bahagian A dan B dan C. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

...2/-

SULIT

Bahagian A

1. Berdasarkan kerangka pemikiran ahli sejarah Yunani, Kristian dan Islam, analisis kedudukan peranan tuhan dengan contoh-contoh yang spesifik dalam pensejarahan Asia Tenggara.

[100 markah]

2. Menurut golongan dekonstruksi, sejarah itu sekadar naratif yang terbina daripada rangkaian plot yang disusun atas binaan sosial oleh ahli sejarah dan terdedah kepada pencemaran ideologi.

Dengan menggunakan sudut pandang ahli sejarah empiris dan konstruksi, sejauh manakah anda bersetuju dengan dakwaan di atas dalam konteks pensejarahan Asia Tenggara?

[100 markah]

Bahagian B

3. "Teori gender merupakan jalan keluar kepada peminggiran wanita dalam sejarah Asia Tenggara."

Bahaskan pernyataan tersebut dengan contoh-contoh yang sesuai.

[100 markah]

4. "Sejarah lisan mengembalikan sejarah kepada golongan marhaen." Bahaskan.

[100 markah]

Bahagian C

5. Sejauh manakah penulisan sejarah sosioekonomi Malaysia kurun ke-20 memberikan penjelasan sejarah yang “seimbang dan adil” terhadap perkembangan sosioekonomi negara?

[100 markah]

6. Menurut aliran *New Social Historian*, sejarah kehidupan manusia dikaji dari pelbagai sudut dan pelbagai lapisan masyarakat yang membawa kepada perubahan sosioekonomi golongan marhaen. Dengan merujuk kepada mana-mana karya sejarah sosial di Asia Tenggara nilaikan pernyataan ini.

[100 markah]

- oooOooo -